

## **Tawaran 1**

### **Simpan butiran Kad Debit AmBank anda untuk kali pertama dan nikmati baucar bernilai RM10 untuk pembelian seterusnya.**

Terma dan syarat:

1. Promosi ini hanya sah untuk pengguna berdaftar dengan akaun Lazada dan Kad Debit AmBank yang sah.
2. "Promosi" merujuk kepada Kempen *Lazada 9.9 Brands & Beyond Sale* dengan Kad Debit AmBank.
3. "Kad Debit AmBank" merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.
4. Promosi ini sah dari 1 September 2022, 12.00 pagi hingga 9 September 2022, 11.59 malam ("Tempoh Promosi").
5. Baucar hanya terhad kepada dua ratus (200) pemegang Kad Debit AmBank pertama yang mendaftar dan menyimpan butiran kad debit mereka sama ada dalam *Lazada Wallet* atau "Kad Kredit/Kad Debit" di bawah "Pilih Kaedah Pembayaran" di Aplikasi Lazada untuk kali pertama sepanjang Tempoh Promosi ("Pemegang Kad Layak").
6. Pemegang Kad Layak akan diberi satu Baucar Diskaun Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM80) pada Aplikasi Lazada dalam satu transaksi.
7. Pemegang Kad Debit AmBank yang telah menyimpan butiran Kad Debit AmBank mereka sama ada dalam *Lazada Wallet* atau sebagai "Kad Kredit/Debit" yang di bawah "Pilih Kaedah Pembayaran" pada Aplikasi Lazada sebelum promosi ini tidak layak untuk Baucar.
8. Jika Pemegang Kad Debit AmBank cuba menyimpan butiran Kad Debit AmBank tetapi atas apa jua sebab gagal untuk menyimpannya sebelum tamat Tempoh Promosi dan akhirnya hanya dapat menyimpannya selepas Tempoh Promosi dalam *Lazada Wallet* atau "Kad Kredit/Kad Debit" di bawah "Pilih Kaedah Pembayaran", pemegang kad tersebut tidak layak untuk Baucar.
9. Baucar akan dimasukkan ke akaun "Pemegang Kad Layak" pada tarikh kad itu berjaya disimpan.

### **Terma dan syarat pemberian baucar:**

1. Baucar ini sah selama tujuh (7) hari kalendar dari tarikh pengeluaran baucar.
2. "Kad Debit AmBank" merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.
3. Baucar ini adalah sah untuk pembayaran menggunakan Kad Debit AmBank di Aplikasi Lazada.
4. Baucar boleh digunakan dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM80) ke atas jumlah harga belian bersih pembelian dalam satu transaksi (tidak termasuk caj penghantaran/kurier) yang dibuat menggunakan Aplikasi Lazada.
5. Baucar hanya tersedia untuk dua ratus (200) penebusan pertama.
6. Baucar hanya untuk satu (1) kali penebusan setiap pelanggan berdaftar Lazada yang layak dan pengecualian produk adalah terpakai.
7. Baucar hanya terpakai untuk kegunaan sekali sahaja dan boleh guna bersama dengan baucar jenama, baucar penjual lain dan baucar kumpul Lazada.
8. Baucar yang dikumpul akan digunakan secara automatik pada halaman pembayaran daftar keluar (selepas memasukkan Kad Debit AmBank yang berkenaan).
9. Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan sebagai ganti baucar.
10. Lazada berhak untuk membatalkan pesanan yang dianggap sebagai pesanan yang mencurigakan tanpa notis awal. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyalahgunaan baucar, termasuk baucar yang ditebus menggunakan berbilang akaun atau berbilang pembayaran yang dikaitkan dengan pelanggan atau kumpulan pelanggan yang sama; dan baucar yang digunakan dengan niat jahat (baucar dijual semula, dan baucar yang digunakan oleh pelanggan untuk membeli produk untuk dijual semula).

### **Terma dan syarat tambahan:**

1. Lazada berhak untuk mengubah, melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi atau mana-mana bahagian daripadanya atau mana-mana bahagian terma dan syarat yang berkenaan dari semasa ke semasa, tanpa notis terlebih dahulu.
2. Penyertaan pelanggan dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada sebarang terma dan syarat lain pada Aplikasi Lazada, termasuk, tanpa had, Terma dan Syarat Pengguna Akaun Pembayaran Lazada.
3. Keputusan Lazada mengenai semua perkara dan pertikaian berkaitan Promosi adalah muktamad dan mengikat dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
4. AmBank tidak memberikan perwakilan mengenai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Lazada. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan terma dan syarat ini dan/atau terma dan syarat Lazada mesti diselesaikan antara pelanggan berkaitan Tawaran ini dengan Lazada. AmBank tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan pelanggan tersebut hendaklah berhubung terus dengan Lazada untuk perkhidmatan berkaitannya. AmBank juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya portal/laman sesawang Lazada mengalami sebarang masalah masa henti atau teknikal.

Dengan menyertai Promosi, anda bersetuju untuk terikat secara sah dengan terma dan syarat ini dan keputusan Lazada.

### **Tawaran 2**

#### **Baucar Penghantaran Percuma**

Tawaran Baucar: Diskaun RM6 dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50

Kuantiti: 300

Tempoh Tawaran: 9 September 2022 - 11 September 2022

### **Terma dan syarat**

1. Baucar ini sah dari 9 September 2022, 12.00 pagi hingga 11 September 2022, 11.59 malam (waktu Malaysia, GMT+8).
2. "Promosi" merujuk kepada Kempen *Lazada 9.9 Brands & Beyond Sale* dengan Kad Debit AmBank.
3. "Kad Debit AmBank" merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.
4. Baucar ini adalah sah dengan pembayaran menggunakan Kad Debit AmBank.
5. Diskaun Ringgit Malaysia Enam (RM6) dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) ke atas jumlah harga penghantaran bersih pembelian anda dalam satu transaksi yang dibuat menggunakan Aplikasi Lazada.
6. Baucar hanya terpakai untuk perbelanjaan di Aplikasi Lazada sahaja.
7. Diskaun hanya tersedia untuk tiga ratus (300) penebusan pertama.
8. Diskaun hanya untuk satu (1) kali penebusan setiap pelanggan berdaftar Lazada dan pengecualian produk dikenakan.
9. Baucar hanya terpakai untuk kegunaan sekali sahaja dan boleh digunakan bersama dengan baucar jenama, baucar penjual lain dan baucar kumpul Lazada.
10. Baucar yang dikumpul akan digunakan secara automatik pada halaman pembayaran daftar keluar (selepas memasukkan Kad Debit AmBank yang berkenaan).
11. Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan sebagai ganti Diskaun.
12. Lazada berhak untuk membatalkan pesanan yang mencurigakan tanpa notis awal. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyalahgunaan baucar, termasuk baucar yang ditebus menggunakan berbilang akaun atau berbilang pembayaran yang dikaitkan dengan pelanggan atau kumpulan pelanggan yang sama; dan baucar yang digunakan dengan melakukan penipuan (baucar dijual semula, dan baucar yang digunakan oleh pelanggan untuk membeli produk untuk dijual semula).
13. AmBank tidak memberikan perwakilan mengenai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Lazada. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan terma dan syarat ini dan/atau

terma dan syarat Lazada mesti diselesaikan antara pelanggan berkaitan Tawaran ini dengan Lazada. AmBank tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan pelanggan tersebut hendaklah berhubung terus dengan Lazada untuk perkhidmatan berkaitannya. AmBank juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya portal/laman sesawang Lazada mengalami sebarang masalah masa henti atau teknikal.

**Tawaran 3:**

**Tawaran Baucar: Diskaun RM8 untuk perbelanjaan minimum sebanyak RM80**

Kuantiti: 300

Tempoh Tawaran: 9 September 2022 - 11 September 2022

**Terma dan syarat**

1. Baucar ini sah dari 9 September 2022, 12.00 pagi hingga 11 September 2022, 11.59 malam (waktu Malaysia, GMT+8).
2. "Promosi" merujuk kepada Kempen *Lazada 9.9 Brands & Beyond Sale* dengan Kad Debit AmBank.
3. "Kad Debit AmBank" merujuk kepada Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard *TRUE by AmBank* yang dikeluarkan oleh Bank.
4. Baucar ini adalah sah dengan pembayaran menggunakan Kad Debit AmBank.
5. Diskaun Ringgit Malaysia Lapan (RM8) dengan perbelanjaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lapan Puluh (RM80) ke atas jumlah harga belian bersih pembelian anda dalam satu transaksi (tidak termasuk caj penghantaran/kurier) yang dibuat menggunakan Aplikasi Lazada.
6. Baucar hanya terpakai untuk perbelanjaan di Aplikasi Lazada sahaja.
7. Diskaun hanya tersedia untuk tiga ratus (300) penebusan pertama.
8. Diskaun hanya untuk satu (1) kali penebusan setiap pelanggan berdaftar Lazada dan pengecualian produk dikenakan.
9. Baucar hanya terpakai untuk kegunaan sekali sahaja dan boleh guna bersama dengan baucar jenama, baucar penjual lain dan baucar kumpulan Lazada.
10. Baucar yang dikumpul akan digunakan secara automatik pada halaman pembayaran daftar keluar (selepas memasukkan Kad Debit AmBank yang berkenaan).
11. Tiada alternatif tunai atau bayaran balik akan ditawarkan sebagai ganti Diskaun.
12. Lazada berhak untuk membatalkan pesanan yang mencurigakan tanpa notis awal. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penyalahgunaan baucar, termasuk baucar yang ditebus menggunakan berbilang akaun atau berbilang pembayaran yang dikaitkan dengan pelanggan atau kumpulan pelanggan yang sama; dan baucar yang digunakan dengan melakukan penipuan (baucar dijual semula, dan baucar yang digunakan oleh pelanggan untuk membeli produk untuk dijual semula).
13. AmBank tidak memberikan perwakilan mengenai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Lazada. Sebarang pertikaian yang berkaitan dengan terma dan syarat ini dan/atau terma dan syarat Lazada mesti diselesaikan antara pelanggan berkaitan Tawaran ini dengan Lazada. AmBank tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut dan pelanggan tersebut hendaklah berhubung terus dengan Lazada untuk perkhidmatan berkaitannya. AmBank juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya portal/laman sesawang Lazada mengalami sebarang masalah masa henti atau teknikal.